



**PETA PEMIKIRAN DALAM PENGAJARAN ASPEK SENI BAHASA DALAM  
KALANGAN GURU BAHASA MELAYU DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

Oleh

**MOHD ZIKRI IHSAN BIN MOHAMAD ZABHI**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Januari 2023**

**FPP 2023 12**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

## **PETA PEMIKIRAN DALAM PENGAJARAN ASPEK SENI BAHASA DALAM KALANGAN GURU BAHASA MELAYU DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

Oleh

**MOHD ZIKRI IHSAN BIN MOHAMAD ZABHI**

**Januari 2023**

**Pengerusi : Shamsudin bin Othman, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Penggunaan peta pemikiran sebagai salah satu alat berfikir terkini telah mula digunakan di sekolah pada awal tahun 2012. Secara khususnya kajian yang dijalankan ini mengandungi tiga objektif utama iaitu (i) pemahaman penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa guru bahasa Melayu; (ii) pelaksanaan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa dan (iii) kesesuaian penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif berbentuk kajian kes bagi memperoleh data penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan data kajian diperoleh melalui kaedah temu bual separa struktur, pemerhatian pengajaran, dan analisis dokumen. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti versi 8. Seramai lima orang guru bahasa Melayu di lima buah sekolah menengah harian biasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dipilih sebagai peserta kajian melalui kaedah pensampelan bertujuan. Kajian mendapati guru-guru mempunyai pemahaman yang jelas tentang penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa sebagai alat berfikir visual, boleh diaplikasikan dalam pengajaran, dan mampu menjana idea murid. Pemahaman penggunaan peta pemikiran boleh digabungkan dengan aspek seni bahasa dan kemahiran bahasa yang lain untuk digunakan dalam pengajaran. Kemahiran kognitif yang terbina daripada lapan bentuk peta pemikiran menunjukkan pemahaman yang tinggi dalam kalangan guru dan menghasilkan kemahiran berfikir secara aras tinggi dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan. Dapatan juga menunjukkan pelaksanaan penggunaan peta pemikiran secara betul dan sesuai dalam pelaksanaan pengajaran bermula dengan set induksi yang menyeronokkan, melengkapkan maklumat berkaitan isi pelajaran, menyenaraikan maklumat yang diperlukan, dan digunakan untuk menguji pengetahuan sedia ada murid. Dapatan diikuti pula dengan pelaksanaan perkembangan pengajaran oleh guru-guru iaitu membuat penerangan, penyolalan, menarik perhatian murid, dan menggalakkan pembelajaran. Pelaksanaan penggunaan peta pemikiran juga dilakukan dalam penutupan pengajaran untuk dijadikan sebagai aktiviti pengukuhan isi pengajaran dan menjanjikan sesi pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Dapatan kajian juga menunjukkan guru-

guru mengemukakan pandangan berkaitan kesesuaian peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa seperti yang ditetapkan berdasarkan Standard Prestasi. Kajian ini telah memberi sumbangan dalam menyediakan panduan yang terperinci untuk memantapkan penggunaan peta pemikiran dalam kalangan guru-guru di dalam bilik darjah.

Kata kunci : Penggunaan peta pemikiran, pengajaran aspek seni bahasa, guru bahasa Melayu



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THOUGHT MAPS IN THE TEACHING OF LANGUAGE ARTS ASPECTS  
AMONG MALAY LANGUAGE TEACHERS IN KUALA LUMPUR,  
MALAYSIA**

By

**MOHD ZIKRI IHSAN BIN MOHAMAD ZABHI**

**January 2023**

**Chairman : Shamsudin bin Othman, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

The use of mind maps as one of the latest thinking tools has started to be used in schools at the beginning of 2012. In particular, this study contains three main objectives, namely (i) understanding the use of mind maps in the teaching of language arts aspects of Malay teachers; (ii) the implementation of the use of thought maps in the teaching of language arts aspects and (iii) the appropriateness of the use of thought maps in the teaching of language arts aspects. This study uses a qualitative research method in the form of a case study to obtain data on the use of thought maps in the teaching of language arts aspects. This qualitative study uses a qualitative research design and research data is obtained through semi-structured interviews, teaching observations, and document analysis. The study data was analyzed using the ATLAS.ti software version 8. A total of five Malay language teachers in five regular secondary schools in the Federal Territory of Kuala Lumpur were selected as study participants through purposive sampling. The study found that the teachers have a clear understanding of the use of thought maps in teaching aspects of language arts as a visual thinking tool, can be applied in teaching, and are able to generate students' ideas. Understanding the use of mind maps can be combined with aspects of language arts and other language skills to be used in teaching. Cognitive skills built from eight forms of thought maps show a high level of understanding among teachers and produce high-level thinking skills in learning and facilitation sessions. Findings also show the correct and appropriate implementation of thinking maps in the implementation of teaching starting with a fun induction set, completing information related to the lesson content, listing the necessary information, and using it to test students' existing knowledge. Findings are followed by the implementation of teaching development by the teachers, which is explaining, questioning, attracting students' attention, and encouraging learning. The implementation of the use of thought maps is also done at the end of the lesson to be used as an activity to strengthen the teaching content and promise a more enjoyable learning session. The findings of the study also show that the teachers put forward views related to the appropriateness of thought maps in teaching aspects of language arts as set out based on the Performance Standards. This

study has contributed in providing a detailed guide to strengthen the use of mind maps among teachers in the classroom.

Keywords: Use of thinking maps, teaching aspects of language arts, English language teacher



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Segala puji-pujian hanya bagi Allah tuhan sekalian alam. Selawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) yang telah menunjukkan teladan untuk kita supaya sentiasa melalui jalan yang lurus. Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa bersyukur saya kehadiran Allah dengan hidayah dan inayah-Nya kerana dapat saya menyiapkan kajian dan tesis ini. Semoga Allah sentiasa mengurniakan taufik dan hidayahnya kepada saya untu menuntut ilmu, khususnya dalam bidang penyelidikan dan penulisan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya terutamanya Dr. Shamsudin bin Othman, Dr. Azhar Md. Sabil, dan Dr Marzni binti Mohamed Mokhtar yang telah banyak membimbing, membantu, memberi sumbangsaran pandangan dan cadangan serta dorongan tanpa jemu sehingga terhasilnya tesis ini. Sesungguhnya segala jasa dan kerjasama yang diberikan tidak ternilai harganya untuk dibalas. Semoga Allah sentiasa mengurniakan taufik dan hidayah dan rahmat-Nya buat anda semua.

Penghargaan juga saya tujukan kepada semua peserta kajian atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian ini sedang dilakukan. Tanpa kerjasama mereka, kajian saya sudah tentu menjadi penulisan akademik yang tidak bermakna. Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana memberi keizinan kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat.

Seterusnya saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada isteri tercinta, Alia Fatma binti Bostanoordin, dan anak-anak tersayang, Mohamad Zabir Aniq, Nur Zahirah Afrina, dan Mohamad Zulfan Atif serta ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan sepanjang saya meneruskan pengajian pendidikan ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Kesabaran dan kasih sayang mereka amat saya hargai buat selama-lamanya. Segala pengorbanan dan jasa mereka akan dibalas dengan sekalung ijazah yang bakal diperoleh.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada kedua ibu bapa saya, Haji Mohamad Zabhi bin Haji Daud dan Hajah Zainab binti Yaacob serta kedua ibu bapa mentua saya, Haji Bostanoordin bin Ahmad dan Hajah Siti Nor Aishah binti Ibrahim kerana sentiasa menyokong saya dan tidak putus-putus mengirimkan doa supaya cita-cita murni perjuangan saya untuk melahirkan tesis ini tercapai. Akhir kata dari saya, segala jasa baik anda semua tidak akan dilupakan. Semoga Allah terus memberi keimanan, ketaqwaan, kerahmatan, keberkatan dan keredaan dalam kehidupan kita semua. Sekian, terima kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Shamsudin bin Othman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Azhar bin Md. Sabil, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Marzni binti Mohamed Mokhtar, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Mei 2023



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Mohd Zikri Ihsan bin Mohamad Zabhi

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan

Dr. Shamsudin bin Othman

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan

Dr. Azhar bin Md Sabil

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan

Dr. Marzni binti Mohamed Mokhtar

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	xiii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Peta Pemikiran	3
1.2.2 Bentuk Peta Pemikiran	4
1.2.3 Kepentingan Penggunaan Peta Pemikiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	6
1.2.4 Aspek Seni Bahasa	6
1.2.5 Pengajaran Aspek Seni Bahasa dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu	8
1.2.6 Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	9
1.3 Penyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Batasan Kajian	15
1.8 Definisi Operasional	16
1.8.1 Penggunaan Peta Pemikiran	16
1.8.2 Pengajaran Aspek Seni Bahasa	17
1.8.3 Guru Bahasa Melayu	17
1.8.4 Pemahaman Guru	18
1.9 Rumusan	18
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	19
2.1 Pengenalan	19
2.2 Peta Pemikiran	19
2.2.1 Peta Pemikiran dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	19
2.2.2 Peta Pemikiran dalam Lain-lain Mata Pelajaran	23
2.2.3 Peta Pemikiran dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa	31
2.3 Seni Bahasa	33
2.4 Kaedah Pengajaran Guru	37
2.5 Teori Kognitif	42

2.5.1	Teori Piaget	43
2.5.2	Teori Pembelajaran Ausubel	43
2.5.3	Taksonomi Bloom	44
2.6	Kerangka Teori Kajian	45
2.7	Kerangka Konsep Kajian	48
2.8	Rumusan	50
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>51</b>
3.1	Pengenalan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Peserta Kajian	52
3.3.1	Prosedur Pemilihan Peserta Kajian	52
3.3.2	Kriteria Pemilihan Peserta Kajian	53
3.3.3	Justifikasi Pemilihan Peserta Kajian	54
3.3.4	Peserta Kajian	54
3.3.4.1	Peserta Kajian 1 (PK1)	55
3.3.4.2	Peserta Kajian 2 (PK2)	55
3.3.4.3	Peserta Kajian 3 (PK3)	56
3.3.4.4	Peserta Kajian 4 (PK4)	56
3.3.4.5	Peserta Kajian 5 (PK5)	57
3.4	Lokasi Kajian	57
3.5	Tempoh Kajian dan Fasa Pengumpulan Data Kajian	59
3.5.1	Fasa Pertama Persediaan Sebelum Kutipan Data Sebenar	60
3.5.2	Fasa Kedua Pengumpulan Data Sebenar	61
3.5.3	Fasa Ketiga Penganalisan dan Penulisan Laporan	61
3.6	Teknik Pengumpulan Data	61
3.6.1	Temu Bual	61
3.6.2	Pemerhatian Pengajaran	62
3.6.3	Analisis Dokumen	64
3.7	Teknik Penganalisan Data	65
3.7.1	Membangunkan Tema dan Pengkodan Data	67
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	69
3.8.1	Kesahan Dalaman	70
3.8.2	Kesahan Luar	72
3.8.3	Pengesahan Pakar Terhadap Instrumen Kajian	72
3.8.4	Pengesahan Pakar dan Pencapaian Penilaian Pakar Melalui Cohen Kappa	73
3.8.5	Samakan Ahli	76
3.8.6	Hubungan Berterusan Antara Pengkaji dengan Peserta Kajian	77
3.8.7	Jejak Audit	77
3.9	Kajian Rintis	77
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	78
3.11	Etika Penyelidikan Kajian Kualitatif	78
3.12	Jadual Kerja	80
3.12.1	Data Temu Bual	80
3.12.2	Data Pemerhatian	81
3.12.3	Data Rakaman (Video dan Audio)	81
3.12.4	Data Dokumen	82

3.13	Kerangka Kajian	82
3.14	Rumusan	84
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>85</b>
4.1	Pengenalan	85
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	86
4.3	Pemahaman Guru Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa	87
4.3.1	Alat Berfikir	88
4.3.1.1	Visual	88
4.3.1.2	Aplikasi Dalam Pengajaran	91
4.3.1.3	Pelbagai Bentuk	93
4.3.1.4	Idea Murid	95
4.3.2	Gabung Jalin dengan Kemahiran Bahasa Lain	96
4.3.2.1	Aspek Seni Bahasa	97
4.3.2.2	Kemahiran Menulis	99
4.3.2.3	Kemahiran Lisan	100
4.3.2.4	Kemahiran Membaca	100
4.3.2.5	Tatabahasa	101
4.3.3	Kemahiran Kognitif	101
4.3.3.1	Peta Bulatan	102
4.3.3.2	Peta Buih	103
4.3.3.3	Peta Buih Berganda	104
4.3.3.4	Peta Pokok	106
4.3.3.5	Peta Dakap	108
4.3.3.6	Peta Alir	110
4.3.3.7	Peta Pelbagai Alir	113
4.3.3.8	Peta Titi	115
4.4	Pelaksanaan Penggunaan Peta Pemikiran Dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa di dalam Bilik Darjah	117
4.4.1	Permulaan Pengajaran-Set Induksi	117
4.4.1.1	Set Induksi-Seronok	118
4.4.1.2	Set Induksi-Memberi Respons	119
4.4.1.3	Set Induksi-Lengkapkan Maklumat	121
4.4.1.4	Set Induksi-Cungkil Idea	124
4.4.1.5	Set Induksi-Senaraikan Maklumat	125
4.4.1.6	Set Induksi-Uji Pengetahuan Murid	128
4.4.2	Perkembangan Pengajaran	130
4.4.2.1	Perkembangan Pengajaran-Penerangan	132
4.4.2.2	Perkembangan Pengajaran-Penyoalan	138
4.4.2.3	Perkembangan Pengajaran-Menarik Perhatian	143
4.4.2.4	Perkembangan Pengajaran- Menggalakkan Pembelajaran	146
4.4.3	Penutupan Pengajaran	148
4.4.3.1	Penutupan Pengajaran-Pengukuhan	149
4.4.3.2	Penutupan Pengajaran-Tajuk Baharu Pengajaran	153
4.5	Kesesuaian Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa	155

4.5.1	Sesuai-Fahami Karya	156
4.5.2	Sesuai-Fahami Peribahasa	165
4.5.3	Sesuai – Cipta Karya	167
4.5.4	Sesuai-Mempersembah Karya	170
4.5.5	Tidak Sesuai-Fahami Karya	175
4.5.6	Tidak Sesuai-Fahami Peribahasa	176
4.5.7	Tidak Sesuai-Cipta Karya	178
4.5.8	Tidak Sesuai-Mempersembah Karya	179
4.6	Rumusan	181
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN</b>	<b>183</b>
5.1	Pengenalan	183
5.2	Ringkasan Kajian	183
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	184
5.3.1	Pemahaman Guru terhadap Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa	185
5.3.2	Pelaksanaan Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa	189
5.3.3	Kesesuaian Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa	197
5.4	Rumusan Kajian	201
5.5	Implikasi Kajian	203
5.5.1	Implikasi terhadap Guru Bahasa Melayu	203
5.5.2	Implikasi terhadap Kaedah Pengajaran Guru Bahasa Melayu	205
5.5.3	Implikasi terhadap Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu	205
5.5.4	Implikasi terhadap Buku Teks Bahasa Melayu	206
5.5.5	Implikasi terhadap Teori	206
5.6	Cadangan	207
5.6.1	Cadangan Kajian Lanjutan	207
5.6.2	Cadangan untuk Pengurusan Pendidikan	208
5.6.3	Cadangan Kepada Guru Bahasa Melayu	208
5.7	Rumusan	209
	<b>RUJUKAN</b>	<b>210</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>229</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>276</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>277</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
1.1 Aspek Seni Bahasa Tingkatan Satu	8
1.2 Aspek Seni Bahasa Tingkatan Dua	8
1.3 Aspek Seni Bahasa Tingkatan Tiga	9
3.1 Pengumpulan Data Kajian	60
3.2 Dokumen yang Dianalisis	65
3.3 Strategi Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan	72
3.4 Senarai Pakar Pengesahan Instrumen Kajian	73
3.5 Senarai Pakar Analisis Persetujuan Pembinaan Tema Data Kualitatif	74
3.6 Pengiraan Nilai Persetujuan Kappa Koefisien Antara Pakar Penilai	75
3.7 Skala Interpretasi Nilai Koefisien Kappa	76
3.8 Etika Penyelidikan Kajian Kualitatif & Penyelesaian Alternatif Pengkaji	79
4.1 Objektif dan Persoalan Kajian	85
4.2 Profil Peserta Kajian	86
4.3 Rumusan Tema dan Sub tema bagi Kategori Pemahaman Guru Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa	87
4.4 Rumusan Tema, Sub tema, dan Sub-sub tema bagi Pelaksanaan Penggunaan Peta Pemikiran Melalui Set Induksi	118
4.5 Rumusan Tema, Sub tema, dan Sub-sub tema bagi Pelaksanaan Penggunaan Peta Pemikiran Melalui Perkembangan Pengajaran	131
4.6 Rumusan Tema, Sub tema, dan Sub-sub tema bagi Pelaksanaan Penggunaan Peta Pemikiran Melalui Penutupan Pengajaran	149
4.7 Rumusan Tema, Sub tema, dan Sub-sub tema bagi Kesesuaian Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa	155

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>	
1.1	Bentuk Peta Pemikiran dan Proses Pemikiran	5
2.1	Kerangka Teori Kajian	45
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	49
3.1	Proses Memahami Data	66
3.2	Analisis Data Menggunakan Perisian ATLAS.ti versi 8	67
3.3	Senarai Koding Menggunakan Perisian ATLAS.ti versi 8	68
3.4	Kerangka Kajian	83
4.1	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P1-PK1-SM1)	121
4.2	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P1-PK4-SM4)	124
4.3	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P1-PK4-SM4)	129
4.4	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P1-PK4-SM4)	134
4.5	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P3-PK2-SM2)	141
4.6	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P2-PK1-SM1)	144
4.7	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P3-PK5-SM5)	148
4.8	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P1-PK2-SM2)	150
4.9	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P2-PK4-SM4)	152
4.10	Contoh Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (P1-PK1-SM1)	157
4.11	Rumusan Analisis Dapatan Kajian	182
5.1	Pelaksanaan Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pengajaran Aspek Seni Bahasa	190



## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>		<b>Muka surat</b>
A	Surat Siaran Kursus i-THINK secara Dalam Talian	229
B	Surat Siaran Kursus i-THINK secara Luar Talian	230
C	Sijil Kursus i-Think Dalam Talian	231
D	Contoh Borang Persetujuan Peserta Kajian	232
E	Contoh Surat Pengesahan Data Kajian	234
F	Contoh Protokol Temu Bual Separa Berstruktur Guru Bahasa Melayu	235
G	Contoh Protokol Pemerhatian Pelaksanaan Peta Pemikiran Guru Bahasa Melayu	238
H	Contoh Penulisan RPH Peserta Kajian	241
I	Contoh Borang Catatan Lapangan	242
J	Contoh Transkripsi Temu Bual	243
K	Contoh Transkripsi Pemerhatian	246
L	Surat Pelantikan Pakar Penyemak Instrumen Kajian	253
M	Borang Pengesahan Tema	257
N	Surat Lantikan Pakar Kajian Cohen Kappa	260
O	Jejak Audit	263
P	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM	267
Q	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Melibatkan Manusia, UPM	268
R	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh JPWKL	269
S	Jadual Lawatan Kerja	270
T	Sesi PdP Set Induksi Memberi Keseronokan Murid	271
U	Sesi PdP Set Induksi Memberi Respons Murid	272
V	Sesi PdP Set Induksi Memberi Maklumat Murid	273

W	Sesi PdP Memberi Penerangan kepada Murid	274
X	Sesi PdP Mengemukakan Soalan kepada Murid	275



## SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
PAK-21	Pembelajaran Abad ke-21
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
JPWPKL	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KOMSAS	Komponen sastera
KiDT	Kursus i-Think Dalam Talian
KiLT	Kursus -Think Luar Talian
IPG	Institut Pendidikan Guru
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
UKBM	Ujian Kecekapan Bahasa Melayu
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PASW	<i>Predictive Analytics Software</i>
BBS	Bidayuh Bukar Sadung
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science Version</i>
SRJK	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
SKM	Sekolah Kurang Murid
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia

ULBSBM	Ujian Lisan Berasaskan Sekolah Bahasa Melayu
PISPM	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
DPLI	Diploma Perguruan Lepas Ijazah
PGSR	Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah
HOTs	<i>Higer Order Thinking Skills</i>
AIM	Agensi Inovasi Malaysia
ISI	<i>Innovative Science Inc.</i>
KSSR	Standard Sekolah Rendah
LINUS	Program Saringan Literasi dan Numerasi
BBM	Bahan Bantu Mengajar
SMP	Sijil Maktab Perguruan
PK	Peserta Kajian
SM	Sekolah Menengah
TB	Temu Bual
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
PiTMKB	Program i-Think Membudayakan Kemahiran Berfikir
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JKEUPM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan Melibatkan Manusia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
PLC	Komuniti Pembelajaran Profesional
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
SK	Standard Kandungan
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan berkaitan dengan latar belakang kajian, pengenalan terhadap penggunaan peta pemikiran dan pengenalan terhadap aspek seni bahasa. Dalam bab ini juga menghuraikan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, dan kepentingan kajian serta batasan kajian. Akhir sekali, bab ini akan membincangkan definisi operasional dan kesimpulan kajian.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Senario pendidikan peringkat global yang semakin mencabar dan menunjukkan kesan yang ketara kepada sistem pendidikan di Malaysia. Pencapaian murid diberikan penekanan utama dalam rombakan secara besar-besaran terhadap sistem pendidikan negara. Satu proses yang dilaksanakan untuk mengubah sistem pendidikan agar setiap murid dan guru mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam menempuh sitem pembelajaran abad ke-21 yang menjadi salah satu agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang dicetuskan oleh Mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 6 September 2013. Bertitik tolak dengan pelaksanaan pelan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2012a), menyarankan kepada semua guru supaya melaksanakan proses pengajaran yang lebih berkesan pada peringkat sekolah. Hal ini sudah pasti meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara serta merealisasikan hasrat KPM dalam melahirkan enam aspirasi murid yang berpengetahuan, berkemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, kemahiran berfikir, mempunyai identiti nasional, beretika dan kerohanian.

Sebagai langkah permulaan, penerapan inovasi dalam pengajaran guru telah dinyatakan oleh pihak KPM. Penerapan inovasi pengajaran diperkenalkan supaya generasi muda disediakan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) (Salina & Zamri, 2020). Pemikiran secara KBAT dirangka berdasarkan kemahiran berfikir yang lebih kritis seperti kemahiran menganalisis, sintesis, menilai dan menghasilkan sesuatu idea yang baharu, hasil adaptasi daripada Taksonomi Bloom (Krathwohl, 2002). Kemahiran berfikir yang akan diajar kepada murid harus difahami secara tepat dan menyeluruh sekiranya berhasrat menuju negara maju setanding dengan Jepun dan Korea (Muhamad Sidek, 2013). Oleh itu, warga guru diberi tanggungjawab berat untuk mengubah senario pemikiran dan idea generasi muda ke arah mewujudkan pemikiran yang lebih positif dan kreatif (KPM, 2010).

Bagi menggalas tuntutan kurikulum ini, warga pendidikan perlu mempersiapkan keadaan pembelajaran secara lebih kondusif, malah mampu juga mencipta dan menghasilkan pembelajaran murid yang berkesan. Guru perlu meneroka dan menguasai

kemahiran pedagogi, menambah pengetahuan serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk mendidik murid-murid. Tanpa strategi pengajaran yang sistematik, pengajaran dan pembelajaran (PdP) tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Tambahan pula, persekitaran bilik darjah yang kondusif membolehkan murid berfikir, menyoal dan menyelesaikan masalah pembelajaran yang diberikan oleh guru. Guru juga perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang boleh merangsang minat murid sepanjang sesi pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah. Selain itu, guru juga perlu bijak dan berkeyakinan dalam merancang pengajaran supaya sesuai dengan murid yang berbeza latar belakang dan kemampuan bagi memenuhi matlamat PdP seperti yang telah direncanakan.

KPM telah memperkenalkan lapan bentuk alat berfikir iaitu peta pemikiran. Pelaksanaan peta pemikiran dalam pengajaran bermatlamat untuk menambahkan dan membiasakan kemahiran berfikir dalam kalangan guru agar mampu membentuk murid pada masa hadapan boleh berfikir secara lebih kritis (Hazlin & Zamri, 2020). Penetapan sasaran dalam bidang pendidikan di negara dibuat agar mampu menyaingi negara-negara lain menyebabkan peta pemikiran digunakan dalam PdP ke arah mewujudkan norma baharu dalam dunia pendidikan. Penekanan kepada KBAT sewaktu melaksanakan aktiviti di dalam PdP amat digalakkan oleh KPM supaya kualiti pendidikan di negara kita sebaris dengan negara lain. Oleh itu, keadah pengajaran menggunakan peta pemikiran dapat menggalakkan metakognitif dan perkembangan kognitif murid secara berterusan tanpa mengira bidang dan latar belakang akademik murid (Hyerle, 2011).

Dalam konteks PdP pada hari ini, peta pemikiran merupakan salah satu alat bantu mengajar abad ke-21 yang diberikan perhatian oleh KPM. Terdapat enam alat pemikiran yang boleh digunakan, iaitu, peta minda, kaedah soalan dan penyoalan, pengurusan grafik, alat CoRT, *i-THINK* dan enam topi pemikiran (de Bono 1976). Kaedah peta pemikiran perlu diamalkan dalam pengajaran guru dan turut dilaksanakan dalam PdP murid. Penggunaan peta pemikiran ini banyak memberikan kebaikan dan kepentingan kepada guru. Hal ini membantu guru membuat persediaan terhadap diri mereka untuk mendalami ilmu berkaitan peta pemikiran untuk disalurkan kepada murid. Kaedah pengajaran menggunakan peta pemikiran sangat penting untuk dilaksanakan oleh guru dalam PdP. Bagi murid pula, penggunaan peta pemikiran dapat merangsang minat dan motivasi murid untuk belajar dengan berkesan dan menyeronokkan.

Kaedah pengajaran menggunakan peta pemikiran menjadi salah satu elemen penting yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 (KPM 2013b). Usaha KPM untuk melahirkan murid yang berinovasi, kreatif, dan kritis, penggunaan peta pemikiran sebagai kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dapat membantu kerajaan melahirkan murid yang dapat mendepani semua cabaran mendatang dengan mudah dan berkesan, tetapi secara berhikmah dan penuh bertanggungjawab. Selain itu, penggunaan peta pemikiran membolehkan murid berfikir secara rasional untuk membuat pertimbangan dan keputusan dalam menyelesaikan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh mereka.

Pelaksanaan program *i-THINK* oleh KPM bertujuan untuk meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir secara KBAT dalam kalangan guru dan murid di sekolah (Vishalache, 2014). Melalui pelaksanaan program ini, lapan peta pemikiran yang

mempunyai proses pemikiran berbeza diperkenalkan supaya memudahkan tugas guru untuk mengajar murid memahami konsep, mengenali masalah, dan mencari penyelesaian (KPM, 2012a). Penggunaan peta pemikiran ini akan menjadi satu amalan baharu dalam kalangan guru dan murid untuk dilaksanakan dalam PdP (KPM, 2012b). Justeru, sebagai warga pendidik, penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran Bahasa Melayu boleh dijadikan sebagai salah satu kaedah pengajaran yang terkini dan diberikan penekanan secara lebih serius. Penggunaan peta pemikiran berupaya menjadikan pengajaran guru lebih menyeronokkan dan penglibatan murid akan menjadi lebih aktif. Oleh itu, objektif PdP dapat dicapai dengan jayanya setelah menggunakan peta pemikiran.

### **1.2.1 Peta Pemikiran**

Peta pemikiran merupakan satu inovasi terbaharu yang diperkenalkan oleh KPM. Peta pemikiran menjadi satu alat berfikir yang menarik dan memudahkan guru untuk menyampaikan kurikulum yang sedia ada untuk murid dan guru. Penggunaan peta pemikiran dalam PdP menjadi satu kaedah pengajaran yang terkini dan bertujuan untuk membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid dan guru ke arah mewujudkan guru dan murid yang berinovatif. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti PdP menggunakan peta pemikiran dapat menyahut hasrat KPM agar budaya KBAT diamalkan di peringkat sekolah.

Peta pemikiran merupakan salah satu alat berfikir secara visual yang senang untuk digunakan dan ditanggapi bagi merintis penerokaan terhadap kandungan pelajaran (KPM, 2012c). Peta pemikiran dihasilkan secara gabungan antara dua tindakan untuk mempersembahkan maklumat yang boleh dilihat secara grafik bagi menghasilkan pembelajaran secara kognitif. Selain itu, peta pemikiran juga digunakan oleh guru dalam PdP berdasarkan proses pemikirannya iaitu menyatakan maksud yang sesuai, menjelaskan makna perkataan atau frasa dalam ayat, membuat perbandingan dan perbezaan, serta mengkategorikan sesuatu perkara yang berlaku mengikut kumpulan yang betul. Peta pemikiran juga digunakan untuk memisahkan sebahagian daripada keseluruhan komponen yang dikaji, menyenaraikan susun atur berdasarkan peristiwa yang berlaku atau proses kejadian terjadi, menghuraikan punca dan kesan akibat kejadian yang berlaku, dan dapat menyatakan secara perbandingan bagi setiap kejadian yang berlaku serta digunakan secara keseluruhan berdasarkan visual yang ada dalam pemikiran murid semasa PdP sedang berlangsung.

Selain itu, peta pemikiran yang dihasilkan mempunyai proses pemikiran dan bentuk yang berbeza. Peta pemikiran yang berbeza bentuk dan proses pemikirannya boleh disesuaikan untuk diajar dalam PdP mengikut isi pelajaran yang telah dirancang dan digunakan oleh guru. Bukan itu sahaja, peta pemikiran digunakan bagi memupuk dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dijadikan dalam bentuk set grafik yang khusus atau alat pengajaran secara visual. Peta pemikiran yang dihasilkan boleh dijadikan sebagai satu cara untuk mempersiapkan murid dengan kemahiran tertentu agar mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam pembelajaran. Di samping itu, peta pemikiran dianggap sebagai satu komponen berbahasa dan dilaksanakan di semua peringkat pembelajaran, isi kandungan yang lengkap dan mampu

mendisiplinkan murid agar boleh belajar dengan lebih berkesan dan lebih cekap (Hyerle, 2011).

Peta pemikiran juga boleh dilaksanakan sebagai komponen dalam pendidikan kerana penggunaannya akan kekal sebagai satu alat pembelajaran yang berkesan. Selain itu, peta pemikiran merupakan alat pembelajaran yang berkesan kerana menyediakan murid dengan kemahiran untuk menjadi seorang pemikir berjaya, menyelesaikan masalah dan bertindak sebagai pembuat keputusan (Saemah & Zamri 2016). Penglibatan murid dalam beberapa aktiviti yang dilaksanakan pada peringkat sekolah mampu merangsang budaya berfikir, menganalisis dan membuat keputusan secara KBAT dalam kalangan guru dan murid perlu diutamakan terutamanya apabila menggunakan peta pemikiran (Zamri, 2020). Oleh itu, pemikiran inovasi yang tercetus akibat penggunaan peta pemikiran perlu dibudayakan agar penerapan kemahiran berfikir ini diamalkan oleh guru dan murid terutamanya dalam sesi PdP.

Hakikatnya, dalam konteks kajian ini dilaksanakan, penggunaan peta pemikiran adalah sama penggunaan peta konsep dan peta minda yang dijadikan juga sebagai alat berfikir namun, peta pemikiran ini fungsinya lebih terarah dan hanya menggunakan lapan bentuk sahaja. Selain itu, peta pemikiran digunakan untuk menggambarkan sesuatu perkara dan konsep yang terkandung dalam sukatan pelajaran (Hyerle, 2011). Oleh itu, hanya bentuk peta pemikiran yang sesuai sahaja boleh digunakan untuk menjelaskan konsep dalam mata pelajaran, malah tidak kesemua bentuk ini digunakan dengan sewenang-wenangnya dalam PdP.









### **1.2.2 Bentuk Peta Pemikiran**

David Hyerle mencipta peta pemikiran pada tahun 2011. Lapan peta pemikiran yang dihasilkan oleh David Hyerle dan telah diterima pakai penggunaannya ialah peta bulatan, peta buih, peta buih berganda, peta pokok, peta alir, peta pelbagai alir, peta dakap dan peta titi atau titian. Peta pemikiran yang dihasilkan terdiri daripada simbol-simbol yang biasa digunakan dalam setiap jenis peta yang lain. Peta pemikiran terdiri daripada lapan bentuk peta yang mampu merangsang pemikiran secara KBAT dan berupaya untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan (Hyerle, 2011). Sebagai guru Bahasa Melayu, kita perlu berusaha untuk membentuk dan menghasilkan murid yang lebih berupaya untuk melaksanakan tugas dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Justeru, sistem pendidikan kini memerlukan komitmen dan tanggungjawab para pendidikan bahasa agar dapat memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan PPPM 2013-2025 (Abdul Rasid, 2010).

Sementara itu, Loganathan (2014) mendefinisikan peta pemikiran yang digunakan di dalam bilik darjah melibatkan pola pemikiran yang didasari oleh 'Pola Proses'. Pola proses ini menggambarkan sebahagian daripada proses peta pemikiran yang mengorganisasikan proses berfikir murid mengikut bentuk dan fungsi peta pemikiran yang dihasilkan oleh murid. Manfaat yang diperoleh oleh murid berdasarkan pola proses ini menjadikan proses PdP lebih mudah difahami dan menerangkan cara murid berfikir. Guru turut berperanan untuk membantu murid berfikir secara KBAT agar mereka lebih tahu tentang isi kandungan pelajaran yang dipelajari. Oleh itu, penggunaan peta



pemikiran menjadi satu kaedah PdP terkini dan perlu dilaksanakan oleh guru dalam bilik darjah. Rajah 1.1 menerangkan bentuk peta pemikiran dan proses pemikiran bagi setiap peta.

	<b>Peta Bulatan</b> Proses Pemikiran: Mendefinisikan mengikut konteks		<b>Peta Dakap</b> Proses Pemikiran: Hubungan bahagian- seluruh
	<b>Peta Buih</b> Proses Pemikiran: Menerang atau memerihkan menggunakan adjektif		<b>Peta Alir</b> Proses Pemikiran: Urutan
	<b>Peta Buih Berganda</b> Proses Pemikiran: Banding beza		<b>Peta Pelbagai Alir</b> Proses Pemikiran: Sebab dan akibat
	<b>Peta Pokok</b> Proses Pemikiran: Membuat pengelasan		<b>Peta Titian</b> Proses Pemikiran: Analogi, hubungan yang sama, mencari faktor penghubungan

**Rajah 1.1 : Bentuk Peta Pemikiran dan Proses Pemikiran**

(Sumber : *i-THINK Membudayakan Kemahiran Berfikir*, KPM 2012a; hlm: 15)

Pengenalan kepada program peta pemikiran dapat memberikan ruang dan peluang kepada warga pendidikan yang terdiri daripada barisan pentadbir, guru-guru, dan juga murid-murid dalam sesi PdP dapat digunakan secara menyeluruh. Guru dan murid misalnya memiliki satu wahaca berbentuk alat berfikir dan bahasa pemikiran yang sama. Penglibatan ibu bapa yang turut memberikan sokongan dan dorongan kepada pelaksanaan program ini sudah pasti akan lebih berjaya untuk dilaksanakan. Bagi mencapai objektif program ini, peta pemikiran telah diperkenalkan. Kaedah pengajaran menggunakan peta pemikiran bukannya satu beban tugas yang baharu kepada warga pendidik, tetapi boleh dijadikan sebagai kayu ukur kejayaan program *i-THINK* yang telah dilancarkan oleh KPM. (KPM, 2012a). Justeru, sebagai seorang warga pendidik yang berdedikasi, kaedah pengajaran yang sebegini bukanlah menjadi halangan dalam melaksanakan PdP, malah memberikan satu pengalaman dan keseronokan sekiranya benar-benar dimanfaatkan penggunaannya.

### **1.2.3 Kepentingan Penggunaan Peta Pemikiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Peta pemikiran merupakan alat dan bahasa yang boleh digunakan dalam banyak mata pelajaran. Terdapat peningkatan dalam pencapaian Bahasa Melayu setelah guru menggunakan peta pemikiran dalam pengajaran mereka (Jumaliah, 2014; Nik Nur Fariyah, 2014; Salina, 2017; Christine, 2017). Penggunaan peta pemikiran dalam proses PdP dapat membantu guru dan murid menjelaskan, memahami, memantau dan mengakses proses dalam Bahasa Melayu dan permasalahan yang dihadapi. Peta pemikiran juga memudahkan pembelajaran dengan menterjemahkan proses pemikiran yang abstrak dan proses matematik kepada bentuk visual yang jelas. Peta pemikiran juga banyak membantu PdP kelas Bahasa Melayu dengan penjelasan perkara yang kompleks dan abstrak dalam bentuk yang lebih mudah. Peta pemikiran yang digunakan dengan meluas dan lebih kerap akan meningkatkan pemahaman dan tugas menjadi lebih mudah (Nik Nur Farihan & Zamri, 2020).

Penggunaan peta pemikiran sebagai alat berfikir diharapkan dapat membantu warga pendidik untuk mengesan sebarang perubahan tingkah laku murid dari segi kemahiran berfikir, daya imaginasi (berfikir di luar kotak), interaksi antara guru dengan murid dan murid dengan murid, murid berasa seronok dan tidak tertekan, kemahiran belajar, semangat kerjasama dapat ditingkatkan, menggalakkan murid suka bertanya dan menunjukkan minat suka belajar, bermotivasi dan peningkatan keyakinan diri murid (KPM 2012). Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa guru bahasa Melayu kini dilihat semakin penting dan mula mendapat sambutan oleh warga pendidik untuk dilaksanakan dalam PdP.

### **1.2.4 Aspek Seni Bahasa**

Kurikulum Standard Bahasa Melayu (KSSM) diperkenalkan oleh KPM untuk mempertingkatkan lagi kualiti pendidikan di negara kita. Aspek seni bahasa menjadi salah satu elemen yang perlu diajar kepada murid (KPM, 2016d). Dalam hal ini, murid-murid akan diajar tentang aspek seni bahasa sebagai satu kemahiran bahasa seperti kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis, sebaliknya hanyalah melibatkan aspek (Mazlan, 2016). Selain itu, KPM turut memperkenalkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu telah digubal pada tahun yang sama bermula dengan tingkatan satu. (KPM, 2016d). Penggubalan DSKP berteraskan kepada satu pendekatan yang baharu dan terkini. Pendekatan baharu berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur telah digabungkan untuk menghasilkan aspek seni bahasa.

Aspek seni bahasa dihasilkan bertujuan untuk mencungkil bakat dan potensi murid supaya mereka boleh mengharungi kepelbagaian lapangan ilmu dengan mempamerkan kecekapan dan ketrampilan dalam berbahasa. Kecekapan dan ketrampilan berbahasa ini boleh menambahkan keupayaan terhadap elemen aspek seni bahasa. Aspek seni bahasa terdiri daripada kemahiran untuk memahami dan mengapresiasi karya prosa dan puisi melalui PdP KOMSAS serta penguasaan bahasa kiasan. Selain itu, aspek seni bahasa membolehkan murid untuk mencipta, menghasilkan dan mempersembahkan karya

kreatif dalam pelbagai genre yang pelbagai sama lisan atau tulisan secara menarik (KPM, 2016e).

Pengajaran aspek seni bahasa ini dapat membantu murid untuk meningkatkan dan memantapkan lagi kemahiran bahasa dan aktiviti berbahasa yang dilaksanakan dalam proses PdP. Selain itu, perkara utama yang perlu dilakukan oleh seorang guru bahasa Melayu dalam pengajaran aspek seni bahasa ialah kaedah pengajaran yang berpusatkan murid. Murid mestilah aktif dalam penggunaan bahasa dan pada masa yang sama mereka mesti memberikan perhatian kepada maksud yang hendak disampaikan oleh guru (Abdullah et al., 2019). Pengajaran aspek seni bahasa perlu menekankan kepada idea murid, minat, penguasaan berbahasa, keunikan setiap murid, dan pengetahuan sedia ada. Pembelajaran akan menjadi lebih seronok dan berkesan sekiranya murid diberikan peluang untuk melakukan aktiviti pembelajaran aspek seni bahasa yang dirancang oleh guru.

Pengajaran aspek seni bahasa turut mengutamakan kolaborasi dan komunikasi semasa aktiviti sedang dijalankan. Guru juga perlu mewujudkan persekitaran serta mengaplikasikan pengalaman secara langsung murid untuk mewujudkan pembelajaran sendiri dan seterusnya memberi penekanan kepada pembelajaran inkuri (Abdullah et al., 2019). Justeru, penerapan elemen aspek seni bahasa memudahkan tugas guru dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran dalam PdP, memberikan peluang kepada murid untuk bersuara, dan dapat meningkatkan lagi kemahiran berbahasa dalam kalangan murid sekolah menengah.

Teknik dan pelaksanaan aktiviti PdP aspek seni bahasa perlu dipelbagaikan secara terancang di dalam bilik darjah, mahupun di luar bilik darjah supaya dapat mendorong minat murid. Melalui pengajaran aspek seni bahasa, guru boleh mendorong dan memberi rangsangan kepada murid supaya dapat meningkatkan daya kreativiti, pemahaman, dan sentiasa peka terhadap kehidupan masing-masing. Hal ini secara tidak langsung bersesuaian dengan teori psikologi kognitif dan konstruktivisme yang membuktikan bahawa kanak-kanak tidak memperoleh pengetahuan secara pasif tetapi membina pengetahuan secara aktif terutamanya dalam PdP aspek seni bahasa (Mazlan, 2016). Oleh itu, penerapan elemen aspek seni bahasa dapat meningkatkan lagi kemahiran berbahasa dan guru dapat melaksanakan pengajaran yang menyeronokkan di dalam bilik darjah.

Selain itu, pengajaran aspek seni bahasa bukan sahaja menyediakan suasana pembelajaran dalam keadaan gembira, tetapi menerapkan elemen-elemen yang dapat mencetuskan pemikiran kreatif dan kritis murid dalam PdP aspek seni bahasa (Mazlan, 2016). Tambahan pula, kewujudan hubungan yang baik antara guru dengan murid mampu meningkatkan keberkesanan dalam proses PdP aspek seni bahasa di dalam bilik darjah (Zamri, 2020). Persekitaran yang kondusif ini diperlukan bagi membolehkan murid merasai suasana pembelajaran yang selesa, dengan harapan segala maklumat pembelajaran seni bahasa dapat diingati dalam tempoh jangka masa panjang. Menurut Zamri (2020) lagi, kelucuan dan keseronokan menjadi “pengurus” kepada perkara yang sukar diselesaikan. Oleh itu, tanpa adanya unsur-unsur yang menyeronokkan dalam melaksanakan PdP, penerimaan murid yang mengikuti pembelajaran akan terasa hambar.

### 1.2.5 Pengajaran Aspek Seni Bahasa dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu

Fokus pengajaran guru terhadap aspek seni bahasa berdasarkan DSKP Bahasa Melayu Tingkatan Satu, Dua, dan Tiga menunpukan kepada Standard Kandungan (SK). SK merupakan satu pemakluman secara terperinci berkaitan dengan elemen yang perlu diketahui dan mampu dilaksanakan oleh murid dalam sesi persekolahan. SK yang dihasilkan merangkumi perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai dalam kehidupan (DSKP BM, 2016f). SK yang terkandung dalam DSKP Tingkatan Satu, Dua, dan Tiga adalah seperti berikut:

**Jadual 1.1 : Aspek Seni Bahasa Tingkatan Satu**

	<b>Standard Kandungan</b>
<b>4.1</b>	Memahami dan mengapresiasi karya sastra dengan memberikan respons peribadi.
<b>4.2</b>	Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, peribahasa, kata-kata hikmat, kiasan madah pujangga, dan bahasa berirama dalam komunikasi dan penulisan.
<b>4.3</b>	Menghasilkan karya fiksiyen dan puisi secara terancang.
<b>4.4</b>	Mempersembahkan karya prosa, puisi, dan pelbagai persembahan lain.

(Sumber : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 1 BPK, KPM, 2016e)

**Jadual 1.2 : Aspek Seni Bahasa Tingkatan Dua**

	<b>Standard Kandungan</b>
<b>4.1</b>	Memahami dan mengapresiasi karya sastra dengan memberikan respons peribadi.
<b>4.2</b>	Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, peribahasa, kata-kata hikmat, kiasan madah pujangga, dan bahasa berirama dalam komunikasi dan penulisan.
<b>4.3</b>	Menghasilkan karya fiksiyen dan puisi secara terancang.
<b>4.4</b>	Mempersembahkan pelbagai prosa, puisi dan karya kreatif.

(Sumber : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 2 BPK, KPM, 2016h)

**Jadual 1.3 : Aspek Seni Bahasa Tingkatan Tiga**

	<b>Standard Kandungan</b>
<b>4.1</b>	Memahami dan mengapresiasi karya sastra.
<b>4.2</b>	Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, peribahasa, kata-kata hikmat, kiasan madah pujangga, dan bahasa berirama dalam komunikasi dan penulisan.
<b>4.3</b>	Menghasilkan karya fiksiyen dan puisi secara terancang.
<b>4.4</b>	Mempersembahkan pelbagai prosa dan puisi secara kreatif.

(Sumber : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 3 BPK, KPM, 2017i)

Rumusannya, guru yang mengajar aspek seni bahasa perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang terkini dan seialiran dengan pemikiran murid pada masa kini bagi mewujudkan keseronokan dalam pembelajaran. Bersesuaian dengan pembinaan pengetahuan secara aktif dalam kalangan murid, seni bahasa menjadi medium bagi mengukuhkan kemahiran bahasa dan tatabahasa untuk mencapai objektif PdP berkaitan aspek seni bahasa. Pengajaran aspek seni bahasa disampaikan oleh guru dalam PdP dengan teknik menyeronokkan seperti aktiviti nyanyian, bercerita, berlakon, dan berpuisi yang dilakukan secara lisan. Penggunaan bahasa yang indah dari segi pemilihan kata, melodi, alunan lagu, syair, dan sajak dapat mewujudkan keseronokan dalam proses PdP aspek seni bahasa. Selain itu, penghayatan yang menyeronokkan terhadap bahasa yang indah ini dapat membantu murid menghasilkan penulisan kreatif menggunakan kosa kata yang indah dalam aktiviti berbahasa (A. Rahman, Jamaludin & Zamri, 2015).

#### **1.2.6 Komponen Sastra (KOMSAS) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu**

Komponen sastra atau KOMSAS merupakan satu kosa kata yang menjadi akronim bagi komponen sastra. KOMSAS menjadi satu komponen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang diperkenalkan oleh BPK untuk diajarkan kepada murid tingkatan satu hingga lima. KOMSAS secara rasmi diperkenalkan kepada murid bermula pada tahun 2000 dan kekal hingga ke hari ini. KOMSAS diperkenalkan untuk memantapkan kemahiran berbahasa, menyemai keingian untuk membaca dan menghayati kandungan teks sastra serta meresap segala ilmu dan kemahiran sastra (Siti Khariah, 2016). PdP KOMSAS merupakan sebahagian daripada komponen aspek seni bahasa yang diajar kepada murid.

PdP aspek seni bahasa yang mengkaji teks KOMSAS merangsang dan membentuk jati diri murid, perkembangan minda dan emosi, nilai estetika, kreativiti dan aspek sendiri bersesuaian dengan gambaran ketamadunan masyarakat di negara ini (DSKP BM, 2017). Penggunaan bahan KOMSAS dalam PdP aspek seni bahasa dapat mendorong pembentukan jati diri murid secara seimbang dan menyeluruh. Novel, cerpen, puisi moden (sajak), puisi tradisional, drama dan prosa tradisional merupakan jenis karya yang dipelajari dalam KOMSAS. Oleh itu, Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkuat kuasa mulai tahun 2000 telah mewajibkan penggunaan teks dan tajuk karya KOMSAS dari tingkatan satu hingga lima.

Dalam konteks Pendidikan Bahasa Melayu, elemen KOMSAS telah diperkenalkan di sekolah menengah. Hal ini seiring dengan hasrat KPM untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Pemantapan penggunaan bahasa Melayu sangat penting kerana bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Penggunaan karya sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah digunakan secara rasmi pada bulan Mac 2000. Pelaksanaan ini sejajar dengan keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bil. 4/1999, pada 3 Februari 1999, Yang Berhormat Menteri Pendidikan membuat ulasan berkenaan perkara ini, iaitu:

“Meminta membuat persediaan bagi memasukkan Kesusasteraan Melayu sebagai satu komponen wajib dalam mengajar Bahasa Melayu. Murid-murid akan diuji di peringkat PMR dan SPM dalam peperiksaan Bahasa Melayu.”

Tujuan pengajaran KOMSAS diperkenalkan supaya murid lebih berminat untuk mengenali bahan bacaan KOMSAS, membaca teks-teks sastera, menikmati dan menghayati kandungan teks sastera. Selain itu, murid dapat mengetahui perkembangan ringkas sastera tanah air dan mengenali penulis berdasarkan karya yang dibaca. Murid boleh membuat penilaian dan membuat ulasan terhadap karya sastera yang dibaca sewaktu pembelajaran KOMSAS. Akhir sekali, murid yang mengenali, menghayati dan menghargai karya sastera dapat dilahirkan bagi memperkukuh kemahiran dan keterampilan berbahasa dalam kalangan murid.

Pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berlandaskan falsafah berkenaan keperluan dan kesesuaian menerapkan untuk ilmu kesusasteraan kepada murid (Naffi, 2006). Prinsip pengajaran KOMSAS bertujuan untuk mewujudkan insan seimbang dan harmoni daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seiring dengan FPK. PdP KOMSAS secara formal dalam bilik darjah dapat melahirkan golongan masyarakat berilmu pengetahuan, berketrampilan dan berakhlak mulia serta menghayati isi kandungan yang terkandung dalam teks KOMSAS. Hasilnya, murid yang mengikuti pembelajaran KOMSAS dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan secara lebih luas. Setiap ilmu yang berkaitan dengan unsur sastera boleh melahirkan murid yang lebih berketerampilan, berkeyakinan dan cinta akan karya sastera yang dipelajarinya.

Menurut Nik Hassan Basri (2007), peranan penting dalam pembentukan emosi boleh wujud dalam pembelajaran dan pembacaan teks KOMSAS. Hal ini terjadi kerana kesusasteraan Melayu menjalin buah fikiran dan emosi yang diolah oleh pengarang. Penggunaan bahasa yang indah dan diolah secara kreatif membolehkan murid-murid sedar tentang apa yang dirasakan selain dapat menghayati bacaan bahan KOMSAS. Hal ini dapat dibuktikan melalui karya-karya seni yang lain bukan sahaja memukau deria rasa dan intelek peminatnya, bahkan memaparkan kehidupan, menenangkan keadaan huru-hara, menerangkan yang gelap dan mencadangkan alternatif untuk mengatasi masalah. Maka, secara singkat unsur kesusasteraan Melayu yang dibaca oleh murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berupaya untuk membentuk dirinya agar menghormati orang lain, membina sahsiah yang elok, dan bersikap toleransi.

### 1.3 Penyataan Masalah

Pelaksanaan program peta pemikiran bertujuan untuk membudayakan dan meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid dan juga. Program ini diperkenalkan kepada guru agar dapat melahirkan murid yang berinovasi sendiri pada masa hadapan. Namun begitu, sering kali terdengar guru kurang memahami cara menggunakan peta pemikiran sebagai satu kaedah mengajar untuk membudayakan KBAT. Berdasarkan Laporan Tahunan 2015 PPPM 2013-2025 (2016g), Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) telah melakukan pemeriksaan ke atas 847 sesi PdP di 36 buah sekolah untuk meninjau sejauh mana penyampaian KBAT dilaksanakan dalam PdP dan mendapati penglibatan guru serta murid adalah melebihi 60 peratus. Hasil pemantauan JNJK menunjukkan penggunaan peta pemikiran sebagai satu kaedah mengajar untuk meningkatkan elemen KBAT dalam proses PdP kurang diberi penekanan (KPM, 2016g). Sistem pendidikan di Malaysia yang berorientasikan kepada peperiksaan menyebabkan guru tidak menekankan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan lebih memberi tumpuan untuk menghabiskan sukatan pelajaran (A. Rahman et al., 2015; Rohaida, 2015; Fadilla & Zamri, 2019).

Selain itu, guru masih lemah untuk memahami dan mengaplikasikan kaedah pengajaran menggunakan peta pemikiran agar suasana pembelajaran lebih menyeronokkan dan mampu mencetus pemikiran murid secara KBAT (Che Zanariah & Fadzilah, 2011). Hal ini disokong dengan dapatan kajian oleh Mohd Hafiz et al., (2017) yang mendapati guru masih kurang pengetahuan khusus tentang KBAT, kurang berkemahiran dan tidak menunjukkan komitmen yang tinggi untuk melaksanakan KBAT dalam PdP. Guru juga didapati tidak menguasai kemahiran dalam aspek strategi mengajar dan matlamat pembaharuan kurikulum yang dilakukan (Sharifah, 2012). Walaupun penggunaan peta pemikiran semakin meluas dalam PdP hari ini, guru-guru Bahasa Melayu masih belum dapat mengaplikasikannya disebabkan beberapa kekangan seperti peruntukan masa pengajaran yang tidak mencukupi, serta minat, sikap dan perbezaan kognitif murid (Rozani, 2017; Nur Shahirah & Zamri, 2021; Chew & Shashipriya, 2014). Justeru, pengkaji perlu membuat satu kajian terperinci tentang pemahaman guru dalam menggunakan peta pemikiran untuk mata pelajaran Bahasa Melayu.

Terdapat kajian yang menyatakan guru masih mengekalkan kaedah pengajaran secara konvensional dalam sesi PdP kerana faktor kesuntukan masa, guru kurang kemahiran dalam membina bahan PdP yang menarik, dan guru mahu lebih mendekati murid-murid di dalam kelas (Shaline & Alizah, 2021). Namun, guru yang menggunakan peta pemikiran dalam pengajaran telah terbukti keberkesannya. Kajian-kajian lepas menunjukkan guru-guru memiliki tahap pengetahuan dan kompetensi yang tinggi dalam pengajaran Bahasa Melayu (Rozani, 2017; Nur Shahirah & Zamri, 2021). Kajian yang dilakukan oleh Ling dan Mas Nida (2017) mendapati guru sering melakukan perbincangan secara berkumpulan dalam sesi PdP di dalam bilik darjah dengan menggunakan peta pemikiran, peta minda, dan kartun. Menurut Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2013), penerapan elemen KOMSAS dan pelaksanaan PdP yang menyeronokkan tidak boleh dilakukan dalam tempoh masa yang singkat untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan objektif pembelajaran dapat dicapai. Isu-isu yang berlaku menyebabkan tahap penggunaan peta pemikiran dan penggunaan elemen KBAT dan amalan penerapan KBAT masih berada pada aras sederhana (Anida et al.,

2020; Nur Shahirah & Zamri, 2021). Justeru, kajian yang lebih terperinci tentang bagaimana pelaksanaan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran bahasa Melayu perlu dijalankan terutamanya yang melibatkan aspek seni bahasa.

Di samping itu, faktor mata pelajaran Bahasa Melayu diajar oleh guru bukan opsyen Bahasa Melayu menyebabkan kurang penumpuan dan penekanan diterapkan dalam kaedah penyampaian PdP yang berkesan. Guru bukan opsyen dilihat terbeban dengan tugas pengajaran khususnya dari aspek bebanan penguasaan isi kandungan pelajaran yang boleh mempengaruhi tahap pencapaian murid (Normah et al., 2018). Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) terhadap guru bukan opsyen Bahasa Melayu menunjukkan bahawa kumpulan guru ini memerlukan bimbingan dan latihan tambahan berkaitan dengan kaedah pengajaran bahasa kerana gagal mencapai ciri-ciri yang ditetapkan (KPM, 2016). Nik Hassan et al., (2015) menegaskan bahawa guru perlu memahami tatacara penggunaan peta pemikiran dengan betul sebelum menerapkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah demi melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi dan pelaksanaan PdP tidak terjejas. Justeru, kegagalan guru bukan opsyen yang mengajar bahasa Melayu dengan baik akan mengakibatkan penyampaian dan pelaksanaan ilmu tidak mencapai objektif dengan sempurna.

Kajian berkaitan kaedah pengajaran guru lebih menumpukan kepada pengajaran secara tradisional yang mengutamakan kandungan teks sastera sahaja tanpa menjurus kepada mengapresiasi bahan sastera, menghayati kandungan teks sastera, menikmati, mencipta atau mempersembahkan teks atau kandungan teks dalam pengajaran aspek seni bahasa. Shamsudin dan Abdul Rasid (2013), Sharifah dan Aliza (2011), Hairun Najuwah dan Siti Nurhajariah (2014), Arbai'e dan Madiawati (2011), dan Nur Shaza Farha et al., (2017) menjelaskan bahawa kajian tentang aspek seni bahasa dalam Bahasa Melayu penting dijalankan bagi mendapatkan gambaran bahawa bahan dan teks sastera boleh digunakan dalam pengajaran aspek seni bahasa. Pelbagai teknik dan kemahiran bahasa boleh diajar secara santai dan menyeronokkan dengan menggunakan bahan dan teks sastera yang ditentukan oleh guru. Hal ini menunjukkan bahawa masih kurang kajian yang dilakukan secara menyeluruh dengan memberi penekanan terhadap kandungan teks dalam pengajaran aspek seni bahasa.

Ramai guru Bahasa Melayu kurang memberi penekanan kepada aspek KBAT dalam pengajaran (Zamri, 2019; Syazana & Zamri, 2018; Mohd Hafiz & Zamri, 2017). Selain itu, Anida et al., (2020) menyatakan bahawa kemahiran KBAT wajar dilaksanakan dalam PdP Bahasa Melayu kerana dapat meningkatkan pencapaian murid khususnya kemahiran bahasa. Oleh itu, penggunaan peta pemikiran sebagai alat kemahiran berfikir dalam penerapan KBAT dalam PdP Bahasa Melayu perlu diambil perhatian oleh guru Bahasa Melayu sebagai agen pelaksana kepada sistem pendidikan negara. Kajian Ahmad Fikri dan Zamri (2019) dan Mohd Zikri Ihsan et al., (2020) menunjukkan pencapaian kemahiran murid meningkat melalui aplikasi peta pemikiran. Hal ini membuktikan penerapan KBAT adalah seiring dengan hasrat KPM untuk meningkatkan kecekapan berfikir kritis, kreatif dan konstruktif murid (Norliza et al., 2021). Justeru, kajian yang dijalankan ini berfokuskan kepada penekanan elemen KBAT dengan menggunakan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa dalam kalangan guru Bahasa Melayu.



Kaedah kajian secara kuantitatif juga lebih mendominasi kajian-kajian terdahulu berbanding kajian berbentuk kualitatif yang membincangkan penggunaan peta pemikiran dalam meningkatkan penguasaan dan pencapaian akademik (Muhamad Sidek, 2013; Shamsazila et al., 2017; Roselizam et al., 2020). Sebaliknya, kajian yang sama kurang dijalankan dalam pendidikan bahasa Melayu. Jika ada pun, kajian-kajian lepas berkaitan peta pemikiran dan KBAT mengekalkan kajian berbentuk kuantitatif lebih banyak berfokuskan kepada kemenjadian murid berbanding kaedah pengajaran guru. (Nik Nur Farihan & Zamri, 2020; Siti Halijah, 2016; Diana & Jamaludin, 2017; Herniwati & Jamaludin, 2017; Alva Amin & Jamaludin, 2017). Hal ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya ruang yang perlu dimuatkan untuk memperoleh maklumat berkaitan kefahaman, pelaksanaan, dan kesesuaian penggunaan peta pemikiran secara menyeluruh dengan menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dan menumpukan kepada guru sebagai pelaksana dalam aktiviti PdP berteraskan KBAT di sekolah.

Oleh itu, penggunaan peta pemikiran sebagai alat kemahiran berfikir dalam PdP Bahasa Melayu perlu diambil tindakan secara drastik oleh guru bahasa Melayu. Guru bahasa Melayu juga bertindak sebagai agen pelaksana kepada sistem pendidikan seharusnya seiring dengan hasrat KPM untuk melihat peta pemikiran dapat diajar kepada semua murid di sekolah. Sehubungan itu, maka pengkaji akan melakukan satu kajian berkaitan dengan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pemahaman guru terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa, menghuraikan pelaksanaan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa di dalam bilik darjah, dan menganalisis kesesuaian penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memenuhi aspirasi yang diharapkan oleh pihak KPM.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif yang telah digariskan seperti berikut:-

1. Meneroka pemahaman guru terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa guru bahasa Melayu.
2. Menghuraikan pelaksanaan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa di dalam bilik darjah.
3. Menganalisis kesesuaian penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan seperti berikut :-

1. Apakah pemahaman guru terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa guru bahasa Melayu?

2. Bagaimanakah guru bahasa Melayu melaksanakan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa di dalam bilik darjah?
3. Apakah kesesuaian penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dilaksanakan supaya memberi panduan dan bimbingan untuk menggunakan peta pemikiran kepada guru-guru bahasa Melayu dalam pengajaran aspek seni bahasa. Guru-guru bahasa Melayu perlu menerapkan elemen inovasi untuk penambahbaikan kualiti PdP terutamanya aspek seni bahasa. Selain itu, pendidik bahasa Melayu perlu mendalami ilmu-ilmu bantu mengajar yang baharu demi meningkatkan tahap profesionalisme bidang perguruan. Guru bahasa Melayu juga perlu melakukan persediaan sebelum, semasa, dan selepas berakhirnya sesi PdP supaya dapat menyerlahkan lagi amalan pengajaran yang positif setelah menggunakan peta pemikiran. Tambahan pula, hasil dapatan kajian ini juga boleh dirujuk sebagai panduan kepada guru bahasa Melayu bahawa kaedah pengajaran menggunakan peta pemikiran dapat membina keyakinan dalam pengajaran aspek seni bahasa.

Seterusnya, kajian ini dijangka memberikan manfaat kepada warga pendidik bahasa Melayu yang berhasrat untuk berkongsi ilmu selain dapat merancang rancangan pelajaran yang lebih sistematik dan konsisten demi meningkatkan profesionalisme guru Bahasa Melayu. Melalui penggunaan peta pemikiran, guru dapat menerapkan elemen dan kemahiran KBAT melalui rajah peta pemikiran dan proses pemikiran dan kata kunci-kata kunci penting pengistilahan dalam aspek seni bahasa. Tambahan lagi, penggunaan peta pemikiran membolehkan guru merangsang murid berfikir melalui penyoalan aras KBAT supaya dapat mengemukakan idea dan pandangan semasa proses PdP seni bahasa di dalam bilik darjah. Justeru, kaedah mengajar guru menggunakan peta pemikiran dapat memudahkan guru untuk memberi tunjuk ajar kepada murid dengan pantas dan berkesan serta mengingati susunan peristiwa yang terdapat dalam pengajaran aspek seni bahasa.

Kajian ini penting kepada guru kerana penggunaan peta pemikiran terbukti meningkatkan kefahaman guru bahasa Melayu dalam pengajaran aspek seni bahasa. Hal ini memerlukan guru menjadi lebih kreatif dan pandai menggunakan peta pemikiran di dalam kelas. Murid-murid lebih tertarik sekiranya guru mempelbagaikan kaedah pengajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, PdP aspek seni bahasa menggunakan peta pemikiran perlu dirancang dengan bijak supaya murid mempunyai berpeluang untuk melahirkan idea mencipta, menghasilkan dan mempersembahkan karya secara lebih kreatif. Selain itu, penggunaan peta pemikiran juga mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih berpusatkan murid boleh mengurangkan rasa bosan semasa PdP sedang berlangsung. PdP yang dilaksanakan oleh guru seharusnya berpusatkan murid dan bukan hanya sekadar melengkapkan objektif pengajaran semata-mata (Vishalache et al., 2014).

Kajian ini juga penting sebagai penambahbaikan dalam pengajaran aspek seni bahasa yang masih belum dilaksanakan di negara ini. Kajian yang dijalankan ini menjadi

pencetus idea dan lebih praktikal dalam pengajaran agar membantu pihak pengurusan kurikulum seperti Panitia Bahasa Melayu di setiap sekolah, Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (SPAJPWPKL) dan KPM untuk dijadikan modul pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan peta pemikiran tersebut dalam meningkatkan amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di seluruh Malaysia. Kaedah pengajaran menggunakan peta pemikiran dapat diperluaskan kepada guru-guru untuk dilaksanakan dalam PdP bagi memastikan kualiti sistem pendidikan di Malaysia mampu melahirkan murid yang mampu berfikir secara KBAT.

Kajian ini menggunakan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1970) dan Teori Pembelajaran Ausubel (1968) untuk mengkaji penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa guru bahasa Melayu. Berdasarkan teori kognitif ini, juga dapat membantu guru melaksanakan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni dan menentukan kesesuaian peta pemikiran dalam PdP aspek seni bahasa secara lebih tepat dan bermakna.

### **1.7 Batasan Kajian**

Pelaksanaan kajian ini melibatkan lima orang peserta kajian yang dipilih untuk membantu pengkaji melaksanakan kajian. Penglibatan peserta kajian dilakukan secara sukarela terutama sewaktu sesi temu bual dijalankan dan pemerhatian pengajaran di dalam bilik darjah. Peserta kajian yang terpilih untuk melibatkan diri dalam kajian di lima buah sekolah menengah kebangsaan ini terdiri daripada guru-guru bahasa Melayu yang mengajar di Kuala Lumpur tanpa mendiskriminasikan jantina. Sekolah yang dipilih terdiri daripada sekolah sekolah harian yang disenaraikan oleh Unit Sekolah Menengah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) berdasarkan kriteria yang dikemukakan oleh pengkaji. Justifikasi pengkaji memilih sekolah tersebut sebagai lokasi kajian kerana mendapat keizinan daripada pengetua sekolah selain kedudukan sekolah yang mudah diakses oleh pengkaji. Di samping itu, guru yang terpilih sebagai peserta kajian sudi bekerjasama sepanjang kajian ini dilakukan. Sekolah yang dipilih ini diwakili oleh seorang peserta kajian. Segala maklumat yang diberikan oleh peserta kajian selari dengan objektif pelaksanaan kajian ini.

Selain itu, pemilihan sekolah kajian terbatas kepada lima buah sekolah menengah harian biasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kelima-lima buah sekolah ini dapat memberikan maklumat yang mencukupi tentang penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa. Selain itu, penyesuaian dan pelaksanaan penggunaan peta pemikiran oleh peserta kajian sedikit mencabar dengan latar belakang sekolah yang berbeza.

Tempoh masa 10 bulan telah dirancang oleh pengkaji untuk proses kutipan data kajian ini. Selain itu, kajian ini hanya ditekankan kepada pelaksanaan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa sahaja dan tidak memberikan penumpuan terhadap hasil karya yang dihasilkan oleh murid. Walau bagaimanapun, pengkaji akan meneliti lapan bentuk peta pemikiran yang diperkenalkan oleh KPM malah akan turut meneliti bentuk peta pemikiran lain yang difikirkan sesuai dengan kaedah mengajar yang dicorakkan oleh guru. Pengkaji akan melihat bentuk peta pemikiran yang sesuai

diajarkan oleh guru untuk dijadikan sebagai analisis dokumen bagi pengajaran guru dalam pengajaran aspek seni bahasa.

Seterusnya, kajian ini terbatas kepada pengajaran aspek seni bahasa guru Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Pengajaran aspek seni bahasa menggunakan peta pemikiran dijadikan sebagai kaedah pengajaran dalam melaksanakan segala aktiviti PdP yang dirancang, dilaksanakan, dan diakhiri dengan penutupan pengajaran. Pengajaran aspek seni bahasa juga diajar kepada murid supaya memahami dan mengapresiasi karya prosa melalui PdP KOMSAS dibataskan kepada cerpen-cerpen atau teks cerita yang diambil daripada antologi KOMSAS dan buku teks Bahasa Melayu sahaja.

Bilangan peserta kajian menjadi perkara penting yang perlu difokuskan dalam batasan kajian. Jumlah peserta kajian seramai lima orang adalah kecil dan sudah pasti, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan bagi mewakili keseluruhan guru bahasa Melayu yang menggunakan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa di negara ini. Namun begitu, maklumat yang diperolehi melalui kajian ini bergantung sepenuhnya kepada peserta kajian untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Meskipun dapatan tidak mewakili semua guru bahasa Melayu di sekolah menengah, namun kajian ini berupaya memberi manfaat kepada situasi yang menampilkan pencirian yang sama.

## **1.8 Definisi Operasional**

Istilah yang digunakan dalam kajian ini diberikan definisi yang bersesuaian dengan kehendak kajian. Istilah yang berkaitan ialah penggunaan peta pemikiran, pengajaran aspek seni bahasa, guru bahasa Melayu, pendekatan modular aspek seni bahasa, kefahaman guru, dan kaedah pengajaran bahasa Melayu.

### **1.8.1 Penggunaan Peta Pemikiran**

Penggunaan peta pemikiran ialah satu kaedah pengajaran yang menggunakan sebuah lakaran berbentuk visual atau peta. Guru yang menggunakan peta pemikiran dalam pengajaran di sekolah akan memiliki bahasa secara verbal-visual yang membolehkan mereka berfikir secara lebih kritis dalam melaksanakan PdP.

Dalam konteks kajian ini, penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa akan menekankan kepada kemahiran berfikir murid secara KBAT. Kesemua lapan bentuk peta pemikiran akan digunakan oleh guru berdasarkan fungsi pemikirannya yang sesuai semasa PdP aspek seni dijalankan. Fungsi pemikiran yang terdapat dalam setiap peta pemikiran merangkumi cara guru mengajar murid untuk mendefinisikan mengikut konteks berdasarkan kefahaman dan pengetahuan sedia ada masing-masing. Selain itu, guru dapat menerangkan dan mencirikan sifat atau perwatakan, membuat banding beza, membuat pengkelasan, menerangkan bahagian dalam komponen tertentu, urutan peristiwa atau proses yang berlaku, menyatakan punca dan kesan serta membuat perkaitan yang sama dan mencari faktor penghubung sesuatu isi pelajaran.

### **1.8.2 Pengajaran Aspek Seni Bahasa**

Pengajaran aspek seni bahasa terbahagi kepada tiga iaitu set induksi, perkembangan pengajaran dan penutupan pengajaran. Set induksi bermaksud aktiviti yang dijalankan secara ringkas dalam tempoh yang singkat untuk merangsang, memotivasikan dan mengembalikan fokus murid kepada tajuk pengajaran yang akan disampaikan guru di dalam bilik darjah (Adenan & Khairuddin, 2012). Set induksi dianggap penting kerana di sinilah bermulanya idea awal guru untuk meneruskan sesi pengajaran. Set induksi mestilah ringkas, padat, dan tidak melebihi lima minit daripada keseluruhan pengajaran. Kemahiran ini melibatkan pemikiran kreatif dan kritis yang perlu dipelajari secara sistematik dan bukannya anugerah tuhan kepada semua guru secara semula jadi. Dalam konteks kajian ini, permulaan pengajaran atau set induksi adalah cara guru memulakan PdP di dalam bilik darjah. Antara prinsip set induksi yang baik menurut tokoh pendidikan tadi adalah permulaan pengajaran mestilah sesuai dengan pengalaman sedia ada murid, sesuai dengan kebolehan dan umur, perlu berkaitan dengan isi pelajaran, menarik minat murid, dan dilaksanakan dalam tempoh yang singkat.

Penggunaan peta pemikiran yang sesuai dengan isi pelajaran mampu meningkatkan pemahaman murid. Guru juga perlu bijak mengaitkannya dengan tahap kebolehan sedia ada dan pengalaman murid dalam melaksanakan perkembangan pengajaran. Terdapat beberapa kemahiran yang dikaitkan semasa guru menyampaikan isi pelajaran. Dalam konteks kajian ini, definisi operasional perkembangan pelajaran ialah kemahiran memberi penerangan, penyolaan, menarik perhatian, dan menggalakkan pembelajaran. Pada peringkat penyampaian isi inilah langkah-langkah pengajaran disusun oleh guru untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan.

Penutupan pengajaran merupakan bahagian akhir dalam sesi PdP guru. Fungsinya sama penting dengan kemahiran induksi set yang telah dilaksanakan pada awal sesi pengajaran dan pembelajaran. Penutupan pengajaran perlulah dapat memberikan impak yang mendalam terhadap hati sanubari murid, sama ada dari aspek motivasi atau mengingat semula isi pelajaran. Dalam konteks kajian ini, guru melaksanakan penutupan pengajaran sebagai pengukuhan, ulang isi pelajaran, rumusan pengajaran, dan menyatakan tajuk pembelajaran yang akan datang. Penutupan pengajaran juga berpotensi untuk memberikan motivasi yang boleh membangkitkan minat dan keterujaan murid untuk hadir pada sesi pembelajaran keesokan harinya.

### **1.8.3 Guru Bahasa Melayu**

Dalam kajian ini, guru bahasa Melayu yang dimaksudkan ialah guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah harian biasa. Seramai lima orang guru yang telah dipilih secara sukarela oleh pengkaji melalui kaedah pensampelan bertujuan. Justeru, perbincangan dalam kajian ini merujuk kepada guru bahasa Melayu yang terlibat sebagai peserta kajian sahaja. (Rozita Radhiah, 2012). Oleh itu, dalam kajian ini, guru bahasa Melayu yang menuntut di pusat pengajian tinggi dan mempunyai pengkhususan utama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dipilih sebagai peserta kajian ini.

#### **1.8.4 Pemahaman Guru**

Pemahaman menurut Ungku Maimunah (2007) bermaksud menerangkan, menghubungkan dan menentukan dinamika interaksi. Selain itu, perkataan 'fahaman' pula bermaksud seseorang yang tahu dan mengerti benar serta mempunyai pegangan secara individu tentang sesuatu perkara (Rozita Radhiah, 2012). Maka dalam konteks kajian ini, ruang lingkup 'pemahaman' yang akan dibincangkan membawa maksud keupayaan atau kemampuan seseorang guru bahasa Melayu mengutarakan pendapat daripada pengetahuan sedia ada mereka di dalam fikiran tentang apa yang dikatakan penggunaan peta pemikiran dalam PdP aspek seni bahasa. Selain itu, aspek pemahaman guru yang akan dihuraikan oleh peserta kajian berdasarkan kajian ini merangkumi pemahaman tentang konsep, pelaksanaan, dan kesesuaian peta pemikiran untuk digunakan dalam pengajaran aspek seni bahasa.

#### **1.9 Rumusan**

Rumusannya, pengkaji menghuraikan secara terperinci berkaitan kemestian untuk menyelidiki dan memahami kejadian berkaitan dengan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran aspek seni bahasa. Selain itu, pengkaji telah menerangkan secara keseluruhan tentang aspek pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional setiap pemboleh ubah yang berkaitan dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- A. Rahman Haron, Jamaludin Badushah & Zamri Mahamod. (2015). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam salak didik dengan elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(1): 53-60.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 3(2): 49-63.
- Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil. (2017). Penggunaan Peta Pemikiran i-Think dalam pemahaman Komsas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1)(2017): 51-59.
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian teknik didik hiburan meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 41(1): 39-45.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman & Humaizah Hashim. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 2(1). 129-145.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Norzila Md. Yusof. (2011). Keberkesanan cerpen dalam mempertingkatkan prestasi penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2): 45-57.
- Abdul Rasid Jamian. (2010). Permasalahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina. *Jurnal Malaysian Education Dean's Council*, 6, Disember.
- Abdullah Hassan. (2020). *Teori dan Kaedah Mengajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yusoff, Tan Siew Poh & Roslan Idris. (2019). *Aktiviti Berbahasa Berdasarkan Kurikulum, Panduan Guru Aliran Perdana, PraSekolah dan Pendidikan Khas*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Nordin. (2013). Kurikulum ke arah penghasilan kemahiran berfikir kritis, kreatif dan inovatif. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 1(1): 10-17.
- Abu Baker, Zarina & Wan Mohammad, Wan Muna Ruzanna. (2021). Keberkesanan Penggunaan Kaedah Peta I-Think Dalam Kalangan Guru Senior Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Di Daerah Seremban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 3, n. 2, p. 32-43, June 2021. ISSN 2682-826X.
- Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad. (2012). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Afaf M. Aljaser. (2017). The Effectiveness of Electronic Mind Maps in Developing Academic Achievement and the Attitude towards Learning English among Primary School Students. *International Education Studies*, 10 (12); 80-95.
- Agensi Inovasi Malaysia. (2012). i-THINK. Agensi Inovasi Malaysia. Retrieved from <http://www.ithink.org.my/Home/Page/AboutUs>
- Ahmad Fikri Abdul Rahman. (2016). Teknik lakaran bersama peta alir i-Think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1): 12-22.
- Aliza Ali & Zamri Mahmud. (2015). Pembangunan modul pendekatan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3(1): 1-8.
- Alva Amin anak Chu & Jamaludin Badusah. (2020). Pengetahuan, sikap dan persepsi pelajar bukan Melayu dalam pembelajaran Komsas Bahasa Melayu melalui peta pemikiran. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman, Abdul Rasid Jamian & Shamsuddin Othman. (pynt.). *Peta Pemikiran kreativiti guru merangsang pemikiran pelajar*, 176-195. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alva Amin Chu & Jamaludin Badusah. (2017). Hubungan peta pemikiran i-Think dengan pencapaian Komsas Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah Daerah Serian dan Tebedu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali Keenam*, 2017: 249-270. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amal Izzati Mohd Rasid & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Implikasi Pelaksanaan Seni Bahasa Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu di SJKT Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4 (1); 387-393.
- Anderson, L. W., Krathwohl, D. R., & Bloom, B. S. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. New York: Addison Wesley Longman.
- Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Mohd Amir Zahari & Marlina Idris. (2020). Analisis pelaksanaan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Orang Asli. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 48-63.
- Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. (2017). Keberkesanan penggunaan peta pemikiran i-think dalam penguasaan kemahiran menulis esei Bahasa Melayu pelajar tingkatan 6 Daerah Mukah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali Keenam*, 2017: 19-32. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arbai'e Sujud & Madiawati Mamat @ Mustaff. (2011). "Perkara" (Matter) Dalam perisian cerita Unggas 1: Dari perspektif model persepsi estetika. *Jurnal Pengajian Melayu*. 22(1): 45-65.



- Aydin, B., Bayram, F., Canıdar, B., Çetin, G., Ergünay, O., Özdem, Z., & Tunç, B. (2009). Views of English language teachers on the affective domain of language teaching in Turkey. *Anadolu University Journal of Social Sciences*, 9(1); 263-280.
- Aysegül Syihoglu & Ayca Kartal. (2010). The Views of the Teachers about the mind mapping technique in the Elementary Life Science and Social Studies Lessons Based on the Constructivist Method. *Journal Educational Sciences: Theory & Practice*: 10 (3); 1637-1656.
- Bryman, A., & Bell, E. (2003). *Business Research Method*. London: Oxford University Press.
- Bulquees Ismail Abdul Majid Daghistan. (2015). Mind Maps to Modify Lack of Attention among Saudi Kindergarten Children. *International Education Studies*, 9 (4); 245-256.
- Burgess, R. G. 1989. *The Ethics of Educational Research*. London: Falmer Press.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1* (1): 67-87.
- Chew Fong Peng & Shashipriya Nadaraja. (2014). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif Dan Kritis Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komsas Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4 (2): 10-24.
- Christine anak Linsah & Zamri Mahamod. (2017). Penggunaan peta pemikiran i-think terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Bidayuh Daerah Serian. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali Keenam, 2017*: 81-104. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Christine anak Linsah & Zamri Mahamod. (2020). Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua pelajar Bidayuh Bukar Sadung. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman, Abdul Rasid Jamian & Shamsuddin Othman. (pynt.). *Peta Pemikiran kreativiti guru merangsang pemikiran pelajar*, 213-243. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Educations* (6th Ed.). London: Routledge Falmer.
- Creswell, J.W. (2009). *Research design Qualitative, quantitative, and Mixed methods approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J.W. (2012). *Educations Research: Planning, Conducting ang Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed.). Thousand Oaks: Sage Publications.

- Creswell. (2016). *Pendekatan Metode, Kualitatif, Kuantitatif, dan Campuran*. Terj. Achmad Fawaid dan Rianayati Kusmini Pancasari. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Daniel Long, St. Francis Xavier Elementary & Dr. David Carlson. (2011). Mind the Map: How Thinking Maps Affect Student Achievement. *An Online Journal for Teacher Research*, 13 (2); 1-7.
- Dayang Norlela, Ali Omar & Yahya Othman. (2017). Keberkesanan pendekatan didik hibur dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid LINUS Daerah Papar. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali Keenam*, 2017: 191-203. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dayang Rohani & Jamaludin Badusah. (2017). Keupayaan guru menggunakan peta pemikiran dalam pengajaran komsas. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali Keenam*, 2017: 211-240. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- de Bono, E. 1976. *Teacher Thinking*. London: Temple Smith Ltd.
- Diana Jakaria & Jamaludin Badusah. (2017). Penggunaan peta minda dalam pembelajaran Komsas tingkatan 4 daerah Mukah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali Keenam*, 2017: 21-80. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dima Mazlina @ Siti Aishah. (2015). Kesan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional terhadap peningkatan kemahiran guru mengajar penulisan karangan Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Dominic Henry & Zamri Mahamod. (2021). Hubungan Antara Tahap Kompetensi, Kesediaan Dan Sikap Guru Dalam Menggunakan Kemahiran Berfikir Enam Topi Pemikiran Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (1); 46-56.
